

KESALAHAN BAHASA DALAM TEKS KHUTBAH JUMAAT JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

Abdul Hamid Moiden
abdulhamied6@gmail.com

Jessica Ong Hai Liaw
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

Norlaila Mazura bt Mohaiyadin
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)

ABSTRAK

Khutbah Jumaat disampaikan di dalam masjid pada setiap hari Jumaat. Khutbah Jumaat akan disampaikan sebelum mengerjakan solat Jumaat secara berjemaah. Lazimnya, teks khutbah Jumaat berkisar kepada permasalahan yang timbul dalam kalangan masyarakat Islam. Teks khutbah Jumaat menggunakan laras bahasa agama. Kajian ini dijalankan ke atas teks khutbah Jumaat dari aspek kesalahan bahasa. Kesalahan bahasa akan merencatkan mesej yang disampaikan dan menampakkan kecuaiian pihak yang bertanggungjawab dalam penyediaan teks ini. Sebanyak sepuluh teks khutbah Jumaat dikaji untuk mengenal pasti kesalahan morfologi, ort frasa, ortografi dan faktor-faktor yang mempengaruhi kesalahan bahasa. Dapatan kajian menunjukkan kesalahan yang paling tinggi adalah kesalahan morfologi, diikuti oleh kesalahan frasa dan ejaan. Metodologi kajian yang digunakan adalah metodologi analisis kandungan yang merangkumi penyaringan, pengekodan data kajian, penganalisan dan pentafsiran data. Makalah ini turut mengemukakan cadangan dan saranan untuk memperbaiki serta meningkatkan penguasaan bahasa Melayu di Jabatan Agama Islam Selangor untuk mengatasi kesalahan bahasa dalam teks khutbah Jumaat.

Kata kunci : Khutbah Jumaat, laras bahasa agama, kesalahan bahasa

Pengenalan

Sejak kebelakangan topik kesalahan bahasa hangat diperkatakan di negara. Topik ini bukan sahaja diperbincangkan dalam seminar dan diskusi ilmiah sahaja, tetapi topik turut diperbincangkan di dalam parlimen. Kesalahan bahasa akan merendahkan dan menjatuhkan martabat bahasa Melayu. Bahasa Melayu merupakan bahasa Kebangsaan, bahasa rasmi dan bahasa ilmu di negara kita (Awang Sariyan,1996). Kesalahan bahasa turut membangkitkan semua semangat memartabatkan bahasa Melayu di negara. Sekiranya kesalahan bahasa tidak dibendung, kesalahan bahasa yang lebih besar akan berlaku dan akhirnya bahasa menjadi rosak (Nik Safiah Karim, 2003). Kesalahan bahasa merencatkan mesej yang disampaikan kepada khalayak. Di samping itu, kesalahan bahasa juga mencalar imej dan kredibiliti Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Pernyataan Masalah

Kajian kesalahan bahasa dalam bidang agama amat terhad. Kebanyakan kajian kesalahan bahasa tertumpu pada kajian kesalahan bahasa dalam penulisan karangan pelajar sekolah

rendah, menengah, dalam kalangan mahasiswa, kesalahan dalam blog dan kesalahan di papan-papan tanda iklan.

Analisis kesalahan bahasa dalam bidang agama seperti kesalahan bahasa dalam buku teks Pendidikan Islam, kesalahan bahasa dalam terjemahan ayat-ayat al-Quran dan Hadis amat terhad dalam bentuk kajian, penulisan tesis dan kertas kerja. Kesalahan bahasa dalam khutbah Jumaat ini merupakan satu kajian baru yang mengaitkan kesalahan bahasa penulisan laras agama. walau bagaimanapun, bentuk laras penulisan tidak dibincangkan dalam kajian ini. Dalam kajian ini teori kesalahan bahasa diaplikasikan untuk mengesan kesalahan-kesalahan bahasa dalam khutbah Jumaat di Selangor.

Nik Safiah Karim (2004) berpendapat bahawa morfologi ialah bidang ilmu bahasa yang mengkaji struktur, bentuk dan penggolongan kata. Struktur kata dimaksudkan sebagai susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang yang turut menjadi unit bahasa yang bermakna.

Corder (1973) menegaskan bahawa kesalahan bahasa berpunca daripada tindakan penutur melakukan pertukaran, pengalihan atau penghilangan sesuatu ujaran seperti bunyi, morfem, perkataan atau rangkai kata hingga menyebabkan ayat-ayat dibentuk mengandungi kesalahan.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui kesalahan bahasa dari segi morfologi.
2. Mengetahui kesalahan bahasa dari segi frasa.
3. Mengetahui kesalahan bahasa dari segi ortografi.
4. Mengetahui faktor-faktor kesalahan bahasa.

PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mencari jawapan bagi soalan-soalan berikut:

1. Adakah kesalahan bahasa dari segi morfologi?
2. Adakah kesalahan bahasa dari segi frasa?
3. Adakah kesalahan bahasa dari segi ortografi?
4. Adakah faktor-faktor yang mempengaruhi kesalahan bahasa?

BATASAN KAJIAN

Kajian ini meneliti kesalahan bahasa dalam teks khutbah Jumaat. Jenis-jenis kesalahan bahasa yang dikaji dalam teks Jumaat dibatasi kepada aspek kesalahan morfologi, frasa dan ortografi.

Kesalahan aspek morfologi dibatasi kepada

- K1 - kesalahan bentuk kata tunggal
- K2 - kesalahan bentuk kata terbitan
- K3 - kesalahan bentuk kata majmuk
- K4 - kesalahan bentuk kata ganda

Kesalahan aspek frasa dibatasi kepada

- F1 - kesalahan penggunaan frasa nama
- F2 - kesalahan penggunaan frasa kerja
- F3 - kesalahan penggunaan frasa adjektif

F4 - kesalahan penggunaan frasa sendi nama

Kesalahan aspek ortografi dibatasi kepada

O1 - ejaan

O2 - huruf besar/kecil

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini berpandukan data yang dan pengumpulan maklumat yang berkaitan dengan penggunaan bahasa dalam teks khutbah Jumaat. Data dianalisis secara tekstual. Bahan kajian diambil dari internet iaitu dari laman web JAIS. Pengkaji mengambil 10 khutbah Jumaat dari laman web JAIS, iaitu dari bulan Disember hingga Mac 2019. Pengkaji juga menggunakan kaedah kepustakaan untuk mengumpul data berkaitan analisis kesalahan bahasa terutamanya untuk melihat kajian-kajian terdahulu berkaitan dengan morfologi, frasa dan ortografi. Dapatan serta permasalahan kajian terdahulu dikumpul dan dikategorikan mengikut sub topik kajian.

KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang akan mengetengahkan kesalahan bahasa dalam khutbah Jumaat ini akan memberikan sedikit gambaran tentang mutu bahasa dalam khutbah Jumaat kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). JAIS dapat mengenal pasti kesalahan-kesalahan bahasa dalam khutbah Jumaat dan faktor-faktor kesalahan bahasa. JAIS pada masa hadapan perlulah menitikberatkan bahasa dalam khutbah Jumaat. Kajian ini mampu menjadi sumber rujukan untuk JAIS. Kajian ini juga akan merintis lebih banyak kajian bahasa dalam bidang keagamaan. Penyelidik dan mahasiswa perlulah mampu mengaitkan kesalahan bahasa dengan yang berfokus pada agama.

DEFINISI OPERASIONAL

Analisis kesalahan Bahasa

Analisis Kesalahan Bahasa mengkaji kesalahan pemindahan (*interlingual errors*) dan kesalahan intralingual (*intralingual errors*) yang muncul hasil daripada strategi pengajaran dan pembelajaran tertentu. (Richard, 1992).

Menurut Richard (1992) kesalahan pemindahan atau *interlingual* berpunca daripada gangguan bahasa ibunda. Menurutnya, gangguan bahasa ibunda dari segi bentuk, sistem dan hukum menghalang pelajar memperoleh bentuk, sistem dan hukum bahasa kedua. Menurut Richard (1992) kesalahan *interlingual* disebabkan kesalahan yang berlaku ketika pemindahan bahasa yang dipengaruhi oleh bahasa pertama.

Kesalahan *intralingual* disebabkan pelajar belum menguasai bahasa sasaran. Kesalahan ini juga disebabkan pembelajaran yang salah atau belum sempurna dalam bahasa kedua. Illis(1994) mendefinisikan Analisis Kesalahan Bahasa sebagai.

“... a set of procedures for identifying, describing and explaining error on learners language.”

Menurut Corder (1967) kajian analisis kesalahan memberikan manfaat kepada:

1. Pengajar

Pengajar dapat mengenal pasti jenis-jenis kesalahan bahasa yang kerap dilakukan oleh pelajar dan faktor-faktor kesalahan bahasa. Pengajar dapat membuat persediaan awal sebelum pengajaran bahasa dengan merangka latihan tambahan untuk pelajar.

Pengajar juga bolehlah menerangkan konsep-konsep yang contoh-contoh kesalahan bahasa yang kerap dilakukan oleh pelajar.

2. Pengkaji

Pengkaji dapat melakukan banyak kajian ilmiah berlandaskan konsep analisis kesalahan bahasa. Bahasa adalah medium komunikasi manusia. Konsep analisis kesalahan bahasa dapat diterapkan dalam kajian bahasa komunikasi dan penulisan. Kini, banyak kajian analisis kesalahan bahasa dilakukan di dalam dan luar melangkaui kajian dalam penulisan karangan pelajar sekolah rendah dan menengah/

3. Pelajar

Kesalahan bahasa mendedahkan kelemahan penguasaan bahasa. Bahasa merupakan medium pengajaran. Pelajar mengetengahkan idea dan pemikiran mereka melalui bahasa dalam peperiksaan. Kelemahan berbahasa dengan betul pasti merencatkan kecemerlangan pelajar dalam bidang akademik. Pelajar dapat mempelajari serta memperbaiki kesalahan bahasa mereka.

Bahasa Melayu

Perkara 152 Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahawa Bahasa Melayu menjadi Bahasa Kebangsaan dan Bahasa kebangsaan ini hendaklah digunakan dalam semua urusan rasmi. Khutbah Jumaat disampaikan dalam bahasa Melayu.

Khutbah Jumaat

Khutbah Jumaat adalah rukun wajib dalam pelaksanaan solat Jumaat. Khutbah semua adalah medium terbaik untuk menyampaikan peringkat, nasihat dan teguran kepada umat Islam. Khutbah ini terdiri daripada dua khutbah yang dibacakan oleh khatib di atas mimbar pada hari Jumaat sebelum solat Jumaat dilaksanakan. Khutbah ini biasanya ringkas dan padat dengan pelbagai nasihat kepada umat Islam.

SOROTAN KAJIAN

Terdapat banyak kajian tentang kesalahan bahasa Melayu. Corder (1973), menyatakan bahawa dalam mempelajari bahasa, seseorang itu tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan. Penggunaan bahasa dalam konteks formal dan tidak formal mengakibatkan kesalahan bahasa.

Siti Hajar Abdul Aziz (1996) dalam kajiannya menegaskan bahawa morfologi adalah cabang daripada ilmu linguistik yang mengkaji soal yang berkaitan dengan kemungkinan adanya perubahan kata, golongan kata dan makna kata. perubahan berlaku akibat daripada perubahan bentuk kata.

Kajian Nur Endah Ariningsih (2012) menjelaskan kesalahan bahasa dalam penulisan karangan pelajar SMA Negeri di Karanganyar, Indonesia. Beliau mengkaji sebab-sebab berlakunya kesalahan dan langkah-langkah untuk mengatasi masalah kesalahan bahasa ini.

Nursidah Abd. Hamid (2012), dalam kajiannya mengenal pasti sembilan aspek kesalahan morfologi dalam penulisan karangan pelajar. Beliau juga turut menggariskan faktor-faktor berlakunya kesalahan bahasa adalah berpunca daripada pengaruh bahasa ibunda, faktor persekitaran, tidak memahami formula bahasa, menguasai serta memahami aspek makna imbuhan.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Objektif 1: Mengenal pasti kesalahan bahasa dari segi morfologi.

Bentuk kata

Bentuk kata ialah proses pembentukan kata menghasilkan bentuk kata tunggal, bentuk kata terbitan, bentuk kata majmuk dan bentuk kata ganda.

Contoh kesalahan

- a) “Jom Berjemaah Di Masjid”.
- b) Maka kedua langkahnya, yang satu menghapus kesalahan dan satu lagi meninggikan darjat.
- c) “Ku Sangka Intan Rupanya Kaca.

Ayat yang betul.

- a) “Mari Berjemaah Di Masjid”.
- b) Maka kedua-dua langkahnya, yang satu menghapus kesalahan dan satu lagi meninggikan darjat.
- c) “Kusangka Intan Rupanya Kaca.

Kata Terbitan

Kata Terbitan adalah bentuk kata yang mengandungi kata dasar yang menerima imbuhan awalan, sisipan, akhiran atau apitan. Imbuhan ialah bentuk morfem yang tidak boleh hadir bersendirian dalam ayat dan harus diimbuhkan pada bentuk yang lain yang merupakan kata dasar. Imbuhan terbahagi kepada imbuhan awalan yang hadir sebelum kata dasar, akhiran yang hadir selepas kata dasar, apitan yang hadir secara mengapit kata dasar dan sisipan yang hadir dicelah kata dasar.

Contoh kesalahan

- a) “Pergunakanlah peluang yang lima sebelum datangnya lima perkara:
- b) Marilah kita sama-sama menghayati intipati daripada khutbah yang dibaca seperti berikut:
- c) Umat Islam hendaklah kembali kepada ajaran Islam dengan menunjukkan akhlak yang mulia.

Ayat yang betul.

- a) “Pergunakanlah peluang yang lima sebelum datangnya lima perkara:
- b) Marilah kita sama-sama menghayati intipati daripada khutbah yang dibacakan seperti berikut:
- c) Umat Islam hendaklah kembali kepada ajaran Islam dengan berakhlak mulia

Kata Majmuk

Proses pemajmukan merangkaikan dua kata dasar atau lebih. Kata majmuk membawa makna khusus dan dieja berpisah. Kata majmuk bertindak sebagai satu unit yang boleh menerima penyisipan unsur lain. Kata majmuk terbahagi kepada, kata majmuk rangkai kata bebas, kata majmuk istilah khusus dan kata majmuk kiasan. Kata majmuk yang menerima imbuhan awalan atau akhiran sahaja, dieja terpisah. Kata majmuk yang menerima imbuhan apitan, dieja secara bercantum.

Kesalahan kata majmuk

Contoh kesalahan

- a) Islam sangat menuntut umatnya terutama generasi muda supaya sentiasa berakhlak dengan akhlak yang mulia seperti menghormati ibubapa, guru-guru, jiran tetangga dan orang-orang yang lebih tua dan sebagainya.
- b) Remaja hendaklah mengawal nafsu jahat dan kehendak yang cenderung kepada perbuatan keji dan mungkar seperti mencuri, melakukan zina, rogol, amalan LGBT, minum arak, penyalahgunaan dadah dan lain-lain kemungkaran.
- c) Marilah kita sama-sama menghayati intipati daripada khutbah yang dibacakan seperti berikut:

Ayat yang betul.

- a) Islam sangat menuntut umatnya terutama generasi muda supaya sentiasa berakhlak dengan akhlak yang mulia seperti menghormati ibu bapa, guru-guru, jiran tetangga dan orang-orang yang lebih tua dan sebagainya.
- b) Remaja hendaklah mengawal nafsu jahat dan kehendak yang cenderung kepada perbuatan keji dan mungkar seperti mencuri, melakukan zina, rogol, amalan LGBT, minum arak, penyalahgunaan dadah dan lain-lain kemungkaran.
- c) Marilah kita sama-sama menghayati inti pati daripada khutbah yang dibacakan seperti berikut:

Kata Ganda

Kata ganda ialah kata yang terbentuk daripada kata yang digandakan sama ada sebahagian atau seluruhnya. Penggandaan adalah satu proses pengulangan perkataan. Proses pengulangan ini berlaku pada seluruh perkataan ataupun pada bahagian-bahagian tertentu dalam perkataan tersebut. Kata ganda terdiri daripada, kata ganda seluruh, kata ganda semu, kata ganda separa, kata ganda bersajak atau berima, kata ganda berimbunan. Kata ganda boleh dibahagikan kepada gandaan seluruh kata, gandaan separa atau separuh ,gandaan berirama dan gandaan berimbunan.

Contoh kesalahan

- a) Apabila digabungkan dengan semangat, saling bantu-membantu, bertoleransi dan saling menyumbang ke arah kejayaan negara, maka kehidupan manusia akan aman dan sejahtera.
- b) Umat Islam hendaklah saling hormat-menghormati walaupun hidup dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian hidup.

Ayat yang betul.

- a) Apabila digabungkan dengan semangat, saling membantu, bertoleransi dan saling menyumbang ke arah kejayaan negara, maka kehidupan manusia akan aman dan sejahtera.
- b) Umat Islam hendaklah saling menghormati walaupun hidup dalam kalangan pelbagai bangsa untuk mewujudkan keharmonian hidup.

Objektif 2 : Mengenal pasti kesalahan bahasa dari segi frasa

Frasa ialah unit yang boleh berdiri daripada satu susunan yang mengandungi sekurang-kurangnya dua perkataan ataupun satu perkataan yang berpotensi untuk diperluaskan menjadi dua atau lebih. Binaan frasa tidak mengandungi subjek atau prediket.

Frasa terbahagi kepada frasa nama, frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama.

Frasa kerja

Frasa kerja ialah binaan yang boleh terdiri daripada satu perkataan atau lebih dan kata intinya adalah kerja. Kata kerja tersebut boleh terdiri daripada kata kerja tak transitif (KKTT) dan kata kerja transitif (KKT).

Contoh kesalahan.

- a) Maka kedua langkahnya, yang satu menghapus kesalahan dan satu lagi meninggikan darjat.
- b) Hadirin yang berbahagia,
- c) Menjana peningkatan jenayah.

Ayat yang betul.

- a) Maka kedua langkahnya, yang satu menghapuskan kesalahan dan satu lagi meninggikan darjat.
- b) Hadirin sekalian,
- c) Mengakibatkan peningkatan jenayah.

Frasa adjektif ialah susunan perkataan yang terdiri daripada satu atau beberapa perkataan yang mengandungi kata sifat atau adjektif sebagai kata intinya. Frasa adjektif berfungsi sebagai prediket, unsur keterangan dan unsur penerang dalam prediket.

Contoh kesalahan.

- a) Umat Islam yang cintakan negara dan agamanya.
- b) Kesalahan yang paling banyak sekali.
- c) Nabi SAW dan para sahabat Radhiallahu Anhum mempereratkan ukhuwah Islamiah yang bertunjangkan akidah.

Ayat yang betul.

- a) Umat Islam yang cinta akan negara dan agamanya.
- b) Kesalahan yang banyak sekali.
- c) Nabi SAW dan para sahabat Radhiallahu Anhum mempererat ukhuwah Islamiah yang bertunjangkan akidah.

Frasa sendi nama

Frasa sendi nama ialah binaan dalam ayat yang terdiri daripada satu kata sendi nama dan satu frasa nama yang menjadi pelengkap kepada kata sendi nama itu.

Contoh kesalahan

- a) Islam sangat menuntut umatnya terutama generasi muda supaya sentiasa berakhlak dengan akhlak yang mulia seperti menghormati ibubapa, guru-guru, jiran tetangga dan orang-orang yang lebih tua dan sebagainya.
- b) Padahal masa muda inilah yang seharusnya dijadikan pelaburan pada masa hadapan.

Ayat yang betul.

- a) Islam sangat menuntut umatnya terutama generasi muda supaya sentiasa berakhlak dengan akhlak yang mulia seperti menghormati ibubapa, guru-guru, jiran tetangga dan orang-orang yang lebih tua dan sebagainya.
- b) Padahal masa muda inilah yang seharusnya dijadikan pelaburan pada masa hadapan.

Objektif 2 : Mengenal pasti kesalahan bahasa dari segi frasa

Kesalahan aspek ortografi dibatasi kepada

O1 - ejaan

O2 - huruf besar/kecil

Money (2004), dalam kajiannya membahagikan kesalahan ejaan, kesalahan huruf besar dan semantik. Aspek kesalahan ortografi dalam kajian ini hanya berfokus pada kesalahan ejaan dan huruf kecil.

A. Kesalahan Ejaan

Contoh kesalahan:

- a) Seperti mana hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bawaha Rasulullah SAW bersabda antaranya:

Ayat yang betul

- a) Seperti mana hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda antaranya:

B. Kesalahan huruf besar /kecil

Contoh kesalahan

- a) “Dan pemuda yang membesar dalam beribadah kepada Tuhannya dan lelaki yang hatinya sentiasa terpaut dengan masjid”
- b) Menanam akidah Ahli Sunnah wal-Jemaah.
- c) Individu menghabiskan masa berjam-jam lamanya melayan media-media sosial seperti facebook, whatsapp, Instgram dan lain-lain.

Ayat yang betul.

- a) “Dan pemuda yang membesar dalam beribadah kepada Tuhan-Nya dan lelaki yang hatinya sentiasa terpaut dengan masjid”
- b) Menanam akidah Ahli Sunnah Wal-Jemaah.
- c) Individu menghabiskan masa berjam-jam lamanya melayan media-media sosial seperti Facebook, Whatsapp, Instgram dan lain-lain.

FAKTOR-FAKTOR KESALAHAN BAHASA

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kesalahan bahasa yang dibincangkan di atas. Antara faktornya adalah pengetahuan dan penguasaan bahasa pihak yang terlibat dalam penyediaan teks khutbah. Di JAIS teks khutbah disediakan oleh Unit Khutbah, Bahagian Pengurusan Masjid. Kesalahan dalam teks khutbah

berpunca daripada kelemahan dan ketidakmampuan pihak-pihak yang terlibat dalam penyediaan khutbah memahami konsep-konsep kesalahan bahasa secara formal. Kelemahan ini menyebabkan mereka cenderung melakukan kesalahan tanpa dalam teks khutbah.

Selain itu, pihak yang terlibat dalam penyediaan teks khutbah perlu memiliki kesedaran untuk meningkatkan mutu bahasa dalam penulisan mereka. Kesedaran diri penting memperbaiki penguasaan bahasa Melayu dari semasa ke semasa. Penguasaan bahasa Melayu boleh dipertingkatkan dengan menghadiri kursus jangka pendek, bengkel-bengkel penulisan secara berkala atau menghadiri seminar bahasa Melayu di institusi pengajian awam dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Di samping itu, pengkaji ingin mencadangkan kepada Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) perlu membentuk unit bahasa untuk memantapkan bahasa Melayu. Unit bahasa ini boleh dipertanggungjawabkan untuk memperkasa mengarang, mengedit serta menyunting bahan-bahan penulisan dalam bahasa Melayu dalam media cetak dan elektronik. Setiap unit di JAIS bolehlah mendapatkan khidmat bahagian ini dari segi khidmat nasihat bahasa. Pegawai-pegawai yang berkelulusan dalam bidang bahasa perlu ditempatkan di unit ini. Fungsi unit bahasa ini juga boleh diperluas dengan menggabungkan dengan unit terjemahan.

RUJUKAN

JURNAL

Awang Sariyan.(1995). Pengantarabangsaan bahasa Melayu melalui institusi pendidikan tinggi: Catatan tentang pengalaman Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kongres Bahasa Melayu Sedunia: Kumpulan Kertas Kerja Jilid 1 (A-L). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norsidah Ab. Hamid, Jamaludin Badushah & Fairose Sulaiman. (2010). Kelemahan tatabahasa pelajar Cina dalam penulisan karangan pada peringkat menengah rendah. Prosiding Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa Melayu 12-18 Jun.

Nur Endah Ariningsih,. (2012). Analisis kesalahan berbahasa Indonesia dalam karangan eksposisi siswa Sekolah Menengah Atas. JPBS FKIP Universitas Sebelas Maret. BASASTRA Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra Indonesia dan Pengajarannya. 1(1): April 2012.

BUKU

Corder, S. P. (1967). The significance of learners' errors. Reprinted in J.C.Richards (ed.) (1974, 1984) Error Analysis: Perspectives on Second Language Acquisition. London: Longman, pp. 19 - 27 (Originally in International Review of Applied Linguistics, 5 (4). Corder, S. P. (1973). Introducing applied linguistics. Baltimore: Penguin Education

Money, J. N. J. S. (2004). Kesalahan bahasa dalam karangan murid Tamil yang mempelajari bahasa Melayu di sekolah menengah. Tesis PhD. yang tidak diterbitkan. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

- Nik Safiah Karim, Farid M. On, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2003).
Tatabahasa dewan edisi baharu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2003). Bimbingan pelajar bahasa kita jilid 2. Selangor Darul Ehsan:
Cerdik Publications Sdn Bhd.
- Richards, J. C., Platt, J. T., Weber, H. & Candlin C. N. (1992). Longman dictionary of
applied linguistics. Essex: Longman
- Siti Hajar Abdul Aziz (1996) Tatabahasa Bahasa Melayu (Perkataan). Kuala Lumpur :
Kumpulan budiman Sdn. Bhd.
- Tarigan, Henry Guntur.1988. Pengajaran analisis berbahasa. Bandung: Penerbit Angkasa.